



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6 (d), Akta Audit 1957, manakala pengauditan pengurusan syarikat dijalankan selaras dengan Perenggan 5 (1) (d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan (PP) menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) PP pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor bagi memperkenannya untuk dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.
3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN

ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 25 Julai 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. Pengurusan Aktiviti/Projek Kerajaan Negeri

Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Negeri Selangor iaitu:

4.1.1. Projek Pembangunan Hartanah Kediaman di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

Secara keseluruhannya, PKNS telah memenuhi peranannya sebagai agensi utama dalam pembangunan hartanah, khususnya menyediakan kediaman kepada rakyat Selangor. Bagaimanapun, prestasi pembangunan hartanah sama ada secara lantikan kontraktor atau penswastaan adalah kurang memuaskan kerana prestasi fizikal dan pulangan hasil tidak mencapai sasaran.

4.1.2. Pengurusan Cukai Taksiran di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).

Secara keseluruhannya, objektif MBSA, MBPJ dan MPHS dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada

penduduk telah dicapai. Bagaimanapun, aktiviti penilaian dan penguatkuasaan terhadap kutipan cukai taksiran perlu dipertingkatkan agar tunggakan cukai dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

4.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan terhadap KDEB Waste Management (KDEBWM) Sdn. Bhd.. Secara keseluruhannya, objektif pelantikan KDEBWM sebagai *Project Management Company* untuk pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu di negeri Selangor telah tercapai walaupun lewat sedikit daripada perancangan asal. Selain itu, empat daripada sembilan aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya manakala pemantauan terhadap perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awal oleh subkontraktor kurang memuaskan. Kedudukan kewangan KDEBWM adalah stabil walaupun mengalami sedikit penurunan keuntungan selepas cukai pada tahun 2020.

5. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/Ketua Pengarah Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 10 syor terhadap pengurusan aktiviti

Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

6. LKAN Tahun 2020 Siri 1 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Negeri Selangor. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 25 Julai 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my

Ketua Audit Negara

25 Julai 2022

25 Zulhijjah 1443H